



Ruj. Kami : KKM.S.500-8/1/36 (70)
Tarikh : 05 Disember 2018

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan,

PERINGATAN BERKALA:

URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBK 13 TAHUN) SERTA MEKANISME PENOLAKAN TBK KALI PERTAMA (TBK1) DAN TBK KALI KEDUA (TBK2) BAGI PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat edaran Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan Malaysia dalam rujukan KKM.S.500-8/1/36 (22) bertarikh 04 Jun 2018 mengenai perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita saya menarik perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan berhubung pelaksanaan urusan kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Kali Pertama (TBK1) dan Kali Kedua (TBK2) yang dilaksanakan secara berterusan. Pihak pengurusan KKM mengambil perhatian akan kesegeraan melaksanakan urusan kenaikan pangkat secara TBK 13 Tahun Kumpulan Pelaksana ini atas dasar menjaga kebajikan dan laluan kerjaya mereka. Berdasarkan ketetapan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Kumpulan Pelaksana di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), urusan kenaikan pangkat secara TBK 13 Tahun ini hendaklah dimulakan **seawal tiga (3) bulan sebelum** tarikh pegawai layak dipertimbangkan.

3. Dalam hubungan ini, kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memastikan Ketua Jabatan masing-masing dapat mengambil perhatian kepada perkara-perkara berikut:

- 3.1 Mengenal pasti pegawai-pegawai yang layak diperakukan TBK1 dan TBK2 dalam **tempoh tiga (3) bulan sebelum genap** tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira dan memastikan tiada keciciran pegawai berlaku. Syarat kelayakan TBK1 dan TBK2 adalah seperti dalam panduan ringkasan di **Lampiran 1**;
- 3.2 Memastikan **pegawai penyelia membuat penilaian kecemerlangan** ke atas pegawai-pegawai **dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum genap** tempoh 13 tahun perkhidmatan yang melayakkan TBK1 dan

TBK2 pegawai dengan menggunakan **Borang Penilaian Kecemerlangan (Lampiran A1 bagi TBK1 atau Lampiran B bagi TBK2 seperti di Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2017)**;

- 3.3 Mengemukakan dokumen perakuan kenaikan pangkat TBK1 dan TBK2 yang **lengkap kepada urus setia Lembaga Kenaikan Pangkat (LKP), KKM dalam tempoh dua (2) bulan** sebelum tarikh pegawai layak (Rujuk jadual penghantaran dokumen perakuan kepada urus setia seperti di **Lampiran 2**).
- 3.4 Bagi pegawai yang **tidak memenuhi tahap baik** dalam penilaian kecemerlangan, Ketua Jabatan hendaklah terlebih dahulu menyelesaikan **proses rayuan** sepertimana prosedur di **Para 15-22, Lampiran A, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2017**.

4. Dalam perkembangan terkini, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui suratnya dalam rujukan JPA.BK(S)255-4/4 Jld.22 s.k.5 (8) bertarikh 31 Oktober 2018 telah menyediakan pilihan penolakan kenaikan pangkat secara TBK 13 Tahun selepas mengambil kira terdapat pegawai yang enggan dinaikkan pangkat secara TBK 13 Tahun atas sebab-sebab tertentu. Penetapan dan garis panduan pilihan penolakan kenaikan pangkat secara TBK 13 Tahun ini adalah seperti berikut:

- 4.1 Pegawai yang ingin menolak kenaikan pangkat secara TBK 13 Tahun hendaklah mengemukakan notis penolakan (format notis penolakan "Lampiran C" boleh dimuat turun dari ruangan "Warga KKM" di Portal Rasmi KKM) melalui dan disahkan oleh Ketua Jabatan dalam tempoh **30 hari dari tarikh menerima surat keputusan** kenaikan pangkat secara TBK 13 Tahun berkenaan. Notis yang dikemukakan adalah **muktamad dan tidak boleh ditarik balik**;
- 4.2 Keputusan penolakan kenaikan pangkat secara TBK 13 Tahun hendaklah **direkodkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan**;
- 4.3 Pegawai **tidak layak dipertimbangkan semula** kenaikan pangkat secara TBK **dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh notis penolakan**. **Pertimbangan semula adalah tertakluk kepada pegawai mematuhi syarat-syarat** berikut:
 - a. mengemukakan permohonan secara rasmi melalui Ketua Jabatan;
 - b. melengkapkan Penilaian Kecemerlangan yang baharu; dan
 - c. memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat secara TBK yang sedang berkuat kuasa
- 4.4 Tertakluk kepada pertimbangan Lembaga Kenaikan Pangkat, **tarikh kenaikan pangkat secara TBK yang baharu** ditetapkan pada **sehari selepas genap enam (6) bulan daripada tarikh kenaikan pangkat secara TBK yang asal atau pada tarikh pegawai membuat permohonan pertimbangan semula, mana yang lebih terkemudian**.

5. Bagi memudahkan pelaksanaan urusan kenaikan pangkat secara TBK1 dan TBK2 ini berjalan lancar mengikut tempoh kelayakan sebenar pegawai, kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon supaya memastikan pihak pentadbir PTJ masing-masing dapat merujuk dan mematuhi panduan ringkas pelaksanaan dan alir proses urusan kenaikan pangkat secara TBK1 dan TBK2 di KKM seperti yang dilampirkan. Panduan dan dokumen-dokumen berkaitan juga boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal rasmi KKM www.moh.gov.my di ruangan "Warga KKM".

6. Untuk makluman, urusan ini hanya melibatkan semua pegawai Kumpulan Pelaksana yang mana Ketua Perkhidmatan adalah Ketua Setiausaha atau Ketua Pengarah Kesihatan serta pegawai Kumpulan Pelaksana Gunasama Persekutuan yang berkhidmat di KKM. Dokumen perakuan kenaikan pangkat bagi urusan ini hendaklah dialamatkan kepada urus setia kenaikan pangkat seperti berikut:

Setiausaha Bahagian
Bahagian Sumber Manusia
Unit Naik Pangkat (Pelaksana)
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 9, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W. P. PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Nik Yusana Binti Tuan Soh)

7. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan adaah dipohon untuk menyampaikan perkara ini kepada pihak pentadbir PTJ di bawah tanggungjawab masing-masing dan memastikan semua maklumat yang dikemukakan adalah lengkap dan tepat.

8. Perhatian dan kerjasama daripada YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(WAN AHMAD HILMAN BIN WAN ADAM)
Bahagian Sumber Manusia
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k: - SUB (SM)

SENARAI EDARAN

- Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan
- Setiausaha Bahagian Bahagian Pengurusan Latihan - Mohon panjangkan ke semua institusi latihan KKM di bawah BPL
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Pulau Pinang
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
- Pengarah
Jabatan Kesihatan W.P. Kuala Lumpur & Putrajaya
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
- Pengarah
Jabatan Kesihatan W.P. Labuan

- Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
- Pengarah
Institut Kanser Negara
- Pengarah
Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC)
- Pengarah
Pusat Kawalan Kusta Negara
- Pengarah
Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan
- Pengarah
Institut Penyelidikan Perubatan
- Pengarah
Institut Pengurusan Kesihatan
- Pengarah
Institut Kesihatan Umum
- Pengarah
Institut Perubatan Respiratori
- Pengarah
Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan
- Pengarah
Pusat Darah Negara
- Pengarah
Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia
- Pengarah
Urus Setia *National Institutes of Health* (NIH)
- Pengarah
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
- Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
- Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan
Tempatan
Unit Prestasi Dan Naik Pangkat
Bahagian Sumber Manusia
Aras 11-12, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 Putrajaya

Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia
(Kementerian Sumber Manusia)
Bahagian Khidmat Pengurusan
Aras 2, 3 & 4, Blok D3, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya

Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan Malaysia
Cawangan Khidmat Awam (Unit Naik Pangkat dan Prestasi)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Jalan Padang Tembak
50634 Kuala Lumpur

Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
(*Department of School Welfare Malaysia*)
Cawangan Pengurusan Sumber Manusia
Bahagian Pengurusan
Aras 6, 9-18, No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 W.P. Putrajaya

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
Aras 5, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
62570 W.P. Putrajaya

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1, 5 & 12-14, Blok E12, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P. Putrajaya

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia
Aras 15, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya

Ketua Pengarah
Agensi Antidadah Kebangsaan
Jalan Maktab Perguruan Islam
43000 Kajang
Selangor

- Pengarah Pengurusan
Jabatan Pengurusan
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia
50560 Bukit Aman
Kuala Lumpur

- Pengarah
Jabatan Imigresen Malaysia
(Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)
Tingkat 1-7 (PODIUM)
Blok 2G4, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62550 W.P. Putrajaya

- Ketua Pengarah
Jabatan Penjara Malaysia
Bukit Wira, 43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan

- Ketua Pengarah
Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN)
Kementerian Pertahanan Malaysia
Aras 2-5, Bangunan Zetro, Jalan 9/27c
Seksyen 5, Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur

PANDUAN RINGKAS PELAKSANAAN KENAIKAN PANGKAT TBK1 DAN TBK2
BAGI PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA
DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. Kelayakan Pegawai

1.1 Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan
Kali Pertama (TBK1)

1.1.1 Pegawai Yang Layak Dipertimbangkan

- (a) Pegawai yang dilantik secara tetap;
- (b) Berada di **gred lantikan** dan telah memenuhi tempoh perkhidmatan **13 tahun atau lebih** dalam skim perkhidmatan semasa pada atau selepas 1 Julai 2013;
- (c) Pegawai dalam **Skim Perkhidmatan Bersepadu** yang berada di gred kenaikan pangkat yang **setara dengan gred lantikan permulaan** dalam sesuatu kumpulan kelayakan masuk;
Contoh:
Penerbit Rancangan yang dilantik terus ke Gred B31 (setara Gred B32) atau Pereka yang dilantik terus ke Gred B21 (setara Gred B22)
- (d) Pegawai yang meninggal dunia pada atau selepas 1 Julai 2013 dan telah berkhidmat 13 tahun ke atas;
- (e) Pegawai yang memilih untuk kekal dalam Sistem Saraan Baru (SSB)/ Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976) tertakluk kepada syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan di bawah SSB/ JKK1976; dan
- (f) Pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan jumud di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM)/ SSB/ JKK 1976, tertakluk kepada syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan.

1.1.2 Pegawai Yang Tidak Layak Dipertimbangkan

- (a) Pegawai dalam skim perkhidmatan tertentu yang diperuntukkan **tempoh *time-based* berbeza**; dan
- (b) Pegawai yang bersara pada atau sebelum 1 Julai 2013.

1.2 Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Kali Kedua (TBK2)

1.2.1 Pegawai Yang Layak Dipertimbangkan

- (a) Pegawai yang dilantik secara tetap;
- (b) Memenuhi tempoh perkhidmatan **13 tahun atau lebih** di **lapisan pertama gred kenaikan pangkat** pada atau selepas 1 Januari 2018;
- (c) Pegawai dalam **Skim Perkhidmatan Bersepadu** yang dilantik secara terus ke gred lantikan yang **setara dengan lapisan pertama gred kenaikan pangkat**;
Contoh:
Penerbit Rancangan yang dilantik terus ke Gred B31 (setara Gred B32) atau Pereka yang dilantik terus ke Gred B21 (setara Gred B22); dan
- (d) Pegawai yang meninggal dunia pada atau selepas 1 Januari 2018 dan telah berkhidmat 13 tahun ke atas di **lapisan pertama gred kenaikan pangkat**.

1.2.2 Pegawai Yang Tidak Layak Dipertimbangkan

- (a) Pegawai dalam skim perkhidmatan tertentu yang diperuntukkan tempoh *time-based* berbeza (contoh: Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Kumpulan Pelaksana); dan
- (b) Pegawai yang bersara pada atau sebelum 1 Januari 2018.

1.3 Bagi pegawai yang sedang **memangku secara hakiki di gred kenaikan pangkat lapisan kedua** dan telah **memenuhi tempoh perkhidmatan 13 tahun**, urusan kenaikan pangkat boleh dibuat dengan segera tanpa perlu memenuhi syarat tempoh pemangkuan.

2. Contoh Laluan Kenaikan Pangkat Secara *Time Based* Berasaskan Kecemerlangan Kali Pertama dan Kali Kedua Bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana

Contoh 1: Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)

Gred Semasa	Tempoh Perkhidmatan di Gred Semasa	Kenaikan pangkat TBK
N19 (Gred lantikan)	13 tahun dan tahap prestasi cemerlang	TBK1 (N19 ke N22)
N22 (Gred kenaikan pangkat kali pertama)	13 tahun dan tahap prestasi cemerlang	TBK2 (N22 ke N26)

Contoh 2: Jururawat (Skim Perkhidmatan Bersepadu)

Gred Semasa	Tempoh Perkhidmatan di Gred Semasa	Kenaikan pangkat TBK
U29 (Gred lantikan)	13 tahun dan tahap prestasi cemerlang	TBK1 (U29 ke U32)
U32 (Gred kenaikan pangkat kali pertama)	13 tahun dan tahap prestasi cemerlang	TBK2 (U32 ke U36)

Contoh 3: Pembantu Pembedahan Pergigian

Gred Semasa	Tempoh Perkhidmatan di Gred Semasa	Kenaikan pangkat TBK
U19 (Gred Lantikan)	13 tahun dan tahap prestasi cemerlang	TBK1 (U19 ke U24)
U22/U24 (Gred kenaikan pangkat kali pertama)	13 tahun dan tahap prestasi cemerlang	TBK2 (U22/U24 ke U26)

3. Kriteria Kenaikan Pangkat TBK1 dan TBK2

- 3.1 Pegawai telah disahkan dalam perkhidmatan (bagi TBK1);
- 3.2 Diperakukan oleh Ketua Jabatan;
- 3.3 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa;
- 3.4 Bebas daripada sebarang hukuman tatatertib;
- 3.5 Lulus Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 3.6 Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan;
- 3.7 Memperoleh markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 80% bagi tiga (3) tahun terkini; dan
- 3.8 Memperoleh penilaian kecemerlangan di tahap Baik atau Cemerlang

4. Contoh Penetapan Tarikh kenaikan pangkat bagi pegawai yang telah memenuhi semua syarat kenaikan pangkat TBK2 adalah seperti berikut:

- 4.1 Pegawai yang telah berkhidmat **13 tahun atau lebih sebelum 1 Januari 2018**, tarikh kenaikan pangkat ditetapkan pada **1 Januari 2018**.

Contoh: Pembantu Tadbir (Kewangan)

Tarikh Kenaikan Pangkat ke Gred W22	:	15 Mac 2003
Tarikh genap 13 tahun di Gred W22	:	14 Mac 2016
Tarikh kenaikan pangkat ke Gred W26	:	1 Januari 2018

- 4.2** Pegawai yang telah berkhidmat genap **13 tahun pada atau selepas 1 Januari 2018**, tarikh kenaikan pangkat ialah **sehari selepas genap tempoh 13 tahun**.

Contoh: Penolong Pegawai Perubatan

Tarikh Kenaikan Pangkat ke Gred U29	:	1 Julai 2005
Tarikh genap 13 tahun di Gred U29	:	30 Jun 2018
Tarikh kenaikan pangkat ke Gred U32	:	1 Julai 2018

- 4.3** Bagi pegawai yang sedang **memangku secara hakiki di gred kenaikan pangkat lapisan kedua** dan telah **memenuhi perkhidmatan 13 tahun** untuk diberikan kenaikan pangkat secara TBK2, tarikh kuatkuasa kenaikan pangkatnya adalah pada **tarikh pemangkuan** tertakluk pegawai memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan.

Contoh: Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)

Tarikh Memangku di Gred N26	:	30 Julai 2017
Tarikh genap 13 tahun di Gred N22	:	30 Jun 2017
Tarikh kenaikan pangkat ke Gred N26	:	30 Julai 2017

- 4.4** Bagi pegawai yang terlibat dalam penyeragaman gred semasa pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 – Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia, tempoh perkhidmatan 13 tahun yang boleh diambil kira adalah termasuk tempoh semasa pegawai berada di gred kenaikan pangkat kali pertama sebelum diseragamkan gred ke gred baru.

Contoh:

Pembantu Kesihatan Awam Gred U22 yang diseragamkan ke Gred U24		
Tarikh Kenaikan Pangkat ke Gred U22	:	1 Julai 2009
Tarikh kuat kuasa diseragamkan ke Gred U24	:	1 Julai 2016
Tarikh genap 13 tahun di Gred U22	:	30 Jun 2022
Tarikh kenaikan pangkat ke Gred U26	:	1 Julai 2022

**JADUAL PENGHANTARAN DOKUMEN PERAKUAN
KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN
KECEMERLANGAN KALI PERTAMA (TBK1) DAN KALI KEDUA (TBK2)
BAGI PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**


Tempoh Kelayakan Pegawai Naik Pangkat TBK1 atau TBK2	Jadual Penghantaran Dokumen Perakuan Kepada Urus Setia LKP, KKM
Januari	November (Tahun sebelum)
Februari	Disember (Tahun sebelum)
Mac	Januari (Tahun semasa)
April	Februari (Tahun semasa)
Mei	Mac (Tahun semasa)
Jun	April (Tahun semasa)
Julai	Mei (Tahun semasa)
Ogos	Jun (Tahun semasa)
September	Julai (Tahun semasa)
Oktober	Ogos (Tahun semasa)
November	September (Tahun semasa)
Disember	Oktober (Tahun semasa)

**SENARAI SEMAK DOKUMEN PERAKUAN KENAIKAN PANGKAT
SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN
KALI PERTAMA (TBK1) DAN KALI KEDUA (TBK2)
BAGI PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Dokumen Yang Diperlukan	Kenaikan Pangkat TBK1	Kenaikan Pangkat TBK2	Permohonan Semula Kenaikan Pangkat Secara TBK1*	Permohonan Semula Kenaikan Pangkat Secara TBK2*
1. Borang NP(S) 8.4 Pindaan 2019	√	√	√	√
2. Borang PP-1 – Surat Akuan Pinjaman Pendidikan	√	√	√	√
3. Salinan Buku Rekod Perkhidmatan lengkap yang telah dikemaskini	√	√	√	√
4. Salinan Markah LNPT 3 Tahun Terakhir <i>(salinan yang mengandungi muka surat pertama yang mengandungi nama dan muka surat yang mengandungi markah keseluruhan sahaja)</i>	√	√	√	√
5. Borang Penilaian Kecemerlangan <i>(bagi yang mencapai sekurang-kurangnya Tahap Baik sahaja)</i>	Lampiran A1 atau Lampiran A3 (mana-mana yang berkenaan)	Lampiran B atau Lampiran B2 (mana-mana yang berkenaan)	Lampiran A1 atau Lampiran A3 (mana-mana yang berkenaan)	Lampiran B atau Lampiran B2 (mana-mana yang berkenaan)
6. Salinan Borang Penerimaan Opsyen Tukar Lantik <i>(bagi skim perkhidmatan yang terlibat dengan opsyen tukar lantik dalam tempoh 13 tahun terkini)</i>	√	√	√	√

*Pegawai hanya boleh mengemukakan permohonan semula sekiranya telah disahkan pernah menolak kenaikan pangkat secara TBK1/TBK2 yang terdahulu dan selepas sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh notis penolakan tertakluk kepada pegawai memenuhi semua syarat pertimbangan TBK 13 Tahun yang sedang berkuat kuasa..

**CARTA ALIR PROSES KENAIKAN PANGKAT
SECARA TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN BAGI KUMPULAN
PELAKSANA**



Carta Alir Proses Kerja Penolakan TBK 13 Tahun Pegawai Kumpulan Pelaksana di Kementerian Kesihatan Malaysia

